



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG

KERTAS KERJA

PROGRAM BENGKEL PEMANTAPAN KREW TVPSS DAERAH PASIR GUDANG TAHUN 2025

Dengan Kerjasama

**UNIT SUMBER DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG**

**PROGRAM BENGKEL
PEMANTAPAN KREW TVPSS
DAERAH PASIR GUDANG
TAHUN 2025**

1. PENGENALAN

Program Bengkel Pemantapan Krew TVPSS Daerah Pasir Gudang Tahun 2025 merupakan inisiatif yang dirancang bagi memperkasa kemahiran dan profesionalisme warga krew TVPSS di peringkat sekolah. Bengkel ini memberi tumpuan kepada peningkatan pengetahuan teknikal, kreativiti dalam penerbitan media, serta pengurusan kandungan digital yang efektif. Melalui penganjuran program ini, peserta akan didedahkan kepada amalan terbaik dalam pengendalian peralatan, penyuntingan video, dan penghasilan bahan siaran berkualiti tinggi yang mampu memupuk bakat serta meningkatkan mutu penyampaian maklumat di sekolah.

2. MATLAMAT

Matlamat utama Program Bengkel Pemantapan Krew TVPSS Daerah Pasir Gudang Tahun 2025 adalah untuk melahirkan pasukan krew TVPSS yang berketerampilan, berpengetahuan dan kreatif dalam bidang penerbitan media digital. Program ini juga bertujuan memperkukuh keupayaan pelajar dan guru dalam mengurus serta menghasilkan kandungan siaran yang berkualiti, berinformasi dan menarik selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasakan komunikasi digital di sekolah.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Memberi pendedahan kepada krew TVPSS tentang teknik asas dan lanjutan dalam penerbitan video serta penyuntingan digital.
- 3.2 Meningkatkan kemahiran penggunaan peralatan audio visual secara profesional dan berkesan.
- 3.3 Menggalakkan kerjasama serta semangat berpasukan dalam kalangan krew TVPSS di seluruh daerah Pasir Gudang.
- 3.4 Melahirkan krew TVPSS yang kreatif, inovatif dan mampu menghasilkan kandungan yang menarik serta informatif.

4. SASARAN

Murid-murid krew TVPSS sekolah menengah dan sekolah rendah.

5. PELAKSANAAN

Program ini akan dilaksanakan seperti ketetapan di bawah :

Tarikh : 27 Oktober 2025 (Isnin)
Tempat : Sekolah Seni Malaysia Johor
Masa : 8:00 pagi – 4:30 petang

6. TENTATIF

8:00 pagi	Pendaftaran peserta
8:30 pagi	Ucapan alauan dan taklimat program
9:00 pagi	Slot 1: Pengenalan dan Pengurusan TVPSS di Sekolah
10:30 pagi	Rehat Minum Pagi
11:00 pagi	Slot 2: Asas Pengendalian Kamera & Teknik Rakaman
12:00 t/hari	Rehat
2:00 t/hari	Slot 3: Penyuntingan Video dan Audio Menggunakan Perisian Digital
3:00 t/hari	Slot 4: Penghasilan Kandungan Kreatif & Pembahagian Tugas Krew
4:00 ptg	Rumusan , sesi joal jawab

7. JAWATANKUASA INDUK

Sila rujuk Lampiran A

8. ANGGARAN KOS

<i>Bil.</i>	<i>Butiran Perbelanjaan</i>	<i>Kuantiti</i>	<i>Kos (RM)</i>	<i>Jumlah (RM)</i>
1.	Sijil A4 (160 gsm)	2100	0.80	1680.00
2.	Sijil folder with transparent coil	1500	2.20	3300.00
				4980.00

9. SUMBER KOS

Waran Peruntukan Kerajaan OS4200

10. PENUTUP

Secara keseluruhannya, Program Bengkel Pemantapan Krew TVPSS Daerah Pasir Gudang Tahun 2025 diharap dapat menjadi platform yang berkesan dalam memperkukuh kemahiran, kreativiti dan profesionalisme krew TVPSS. Melalui penganjuran program ini, diharapkan semua peserta dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperolehi bagi meningkatkan mutu penerbitan media sekolah serta seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan komunikasi dan penyebaran maklumat di peringkat sekolah dan daerah.

Disediakan oleh,

Disahkan oleh,

(AFZAM BINTI ABDULLAL)
Pen. Pegawai Pendidikan Daerah
Sumber Teknologi dan Pendidikan
Daerah Pasir Gudang

(AIN BINTI IZAHAR)
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah
Pasir Gudang (Pembelajaran)
Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang

**11. MAKLUMAT KELULUSAN UNTUK DILENGKAPKAN OLEH
PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG**

	DILULUSKAN	Ulasan PPD Pasir Gudang (Jika Ada Pindaan/Tidak Diluluskan)
	TIDAK DILULUSKAN	
(Tandatangan dan Cop PPD Pasir Gudang) Tarikh :		

Lampiran A

JAWATANKUASA INDUK

**PROGRAM BENGKEL
PEMANTAPAN KREW TVPSS
DAERAH PASIR GUDANG
TAHUN 2025**

Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang
TIMBALAN PENERUSI

Pn Ain binti Izahar
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Pasir
Gudang (Pembelajaran)
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang

PENERUSI PENGELOLA

Pn. Afzam binti Abdullal
En Ahmad Irzam bin Ahmad Malek
En Sheikh Mohamad Syahid bin Sheikh Omar
Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang
Unit Sumber dan Teknologi Pendidikan
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang

12.0 STRATEGI PELAKSANAAN

BIL	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN	CATATAN
1	21.04.2025	Perbincangan bersama USTP untuk draf kertas kerja	Penyelaras / GPM	Membuat draf Kertas Kerja
2	22.04.2025	Penyediaan Draft Kertas Kerja untuk semakan	Penyelaras / GPM	Mengedit Kertas Kerja jika perlu
3	07.04.2025	Penetapan sekolah yang terlibat sebagai lokasi	Penyelaras / GPM	Pembentangan bersama USTP
4.	14.04.2025	Pembentangan bersama Timbalan , dan USTP	Penyelaras / USTP/ AJK Pelaksana	Pembentangan dan pembahagian tugas AJK
5	15.04.2025	Pembentangan kepada GPM sekolah Jejak Inspirasi	Penyelaras / USTP dan GPM sekolah	Lancar/tidak
6	16.06.2025	Edaran surat menyurat	Penyelaras / USTP/ GPM	Lancar/tidak
7	18.06.2025	Lawatan dan bimbingan kepada GPM	Penyelaras / USTP/ AJK Pelaksana	Lancar / Tidak
8	26.06.2025	Program Jejak Inspirasi Pengurusan Pusat Sumber berlangsung	Semua yang terlibat	Lancar / Tidak